

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**  
**[ BERA ]**

**SOALAN NO. 196**

**Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah rumah anak yatim yang tidak diluluskan permohonan kerana dibina di atas tanah berstatus pertanian.

**JAWAPAN**

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Semua Pengendali Pusat Jagaan hendaklah mendapat kelulusan daripada tiga agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebelum perakuan pendaftaran dipertimbangkan oleh JKJ.

Sehingga 31 Jun 2019, terdapat sembilan buah permohonan Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang tidak diluluskan oleh PBT yang disebabkan masalah tanah dan hanya tiga buah permohonan Pusat Jagaan Kanak-Kanak tidak diluluskan atas sebab dibina atas tanah pertanian, iaitu sebuah di Pulau Pinang dan dua buah di Selangor.